

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 2 APRIL 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1531-L10681
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kadar kelahiran dan kesuburan di Malaysia menurun pada setiap tahun. Kadar kelahiran bagi wanita berumur di antara 15 tahun hingga 49 tahun ialah 1.6 peratus. Apakah faktor yang menyebabkan fenomena ini serta apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.
2. PN-1531-L10874
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memainkan peranan bagi mengelakkan lebih banyak mangsa terlibat dalam sindiket penipuan tawaran pekerjaan di Kemboja, Laos, Myanmar, Thailand dan lain-lain negara serta adakah akta baru akan diwujudkan bagi membanteras sindiket penipuan ini.
3. PN-1531-L11166
Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status persediaan Negeri Kelantan sebagai tuan rumah SUKMA bagi tahun 2028. Adakah terdapat pemantauan yang lebih ketat terhadap pembinaan fasiliti sukan supaya isu penangguhan tidak berlaku lagi.
4. PN-1531-L10780
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah jalan penyelesaian dan tindakan yang diambil oleh Majlis Tanah Negara berhubung dengan isu penempatan dan kawasan Orang Asli di dalam negara yang sering mengganggu kehidupan serta ekonomi masyarakat Orang Asli.

5. PN-1531-L10637
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan program yang dirangka oleh Kementerian untuk menggalakkan masyarakat luar bandar menceburi bidang keusahawanan.
6. PN-1531-L10722
Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-
 - (a) perkembangan terkini pelan strategik Kementerian untuk meningkatkan pelaburan teknologi hijau; dan
 - (b) sejauh manakah Kementerian bekerjasama dengan agensi luar dalam usaha untuk merangka pelan strategik tersebut.
7. PN-1531-L10796
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang melaksanakan penyelarasan dan penelitian semula terhadap kesemua cukai yang sedia ada kepada satu sistem percukaian yang telus dan tidak merumitkan selain tidak membebankan rakyat dengan lambakan cukai-cukai yang baru diperkenalkan.
8. PN-1531-L11037
Senator Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
 - (a) adakah agensi di bawah Kementerian melaksanakan program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) khas untuk masyarakat Orang Asli ; dan
 - (b) adakah program latihan yang pernah diadakan di Institut Latihan Perindustrian Ipoh khas untuk anak-anak Orang asli satu masa dahulu akan diteruskan.
9. PN-1531-L10977
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status terkini berkenaan kerugian sebanyak RM6.34 juta yang dialami oleh Kementerian disebabkan kegagalan dalam mengurus perolehan senjata api sepertimana yang dilaporkan oleh Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022 dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan perkara yang sama berulang.

10. PN-1531-L11198

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha yang dilakukan Kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan pekerja asing dalam sektor pertanian serta langkah Kerajaan bagi menarik minat rakyat tempatan untuk terlibat dalam sektor pertanian.

11. PN-1531-L11270

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan pendirian Kerajaan berhubung cadangan penambahbaikan garis panduan hiburan yang ditetapkan bagi memastikan tiada artis Barat yang berlatar belakangan ideologi LGBTQ dibenarkan masuk untuk membuat persembahan di dalam negara.

12. PN-1531-L11362

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mekanisme khusus yang telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan sebagai jaminan kualiti pendidikan di semua Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta adalah setanding dengan Eropah dan United Kingdom.

13. PN-1531-L11238

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang aktif di seluruh negara serta apakah geran dan insentif yang disediakan oleh Kerajaan untuk memperkasa PIBG di seluruh negara.

14. PN-1531-L11403

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah aplikasi digital *Volunteer Smartphone Patrol 2.0* turut dibangunkan dengan ruangan khusus untuk menyalurkan aduan berkenaan salah laku anggota polis terutamanya yang melibatkan rasuah serta kekasaran fizikal dan apakah bentuk perlindungan kerahsiaan kepada pengadu (*whistleblower*) yang menggunakan aplikasi tersebut.

15. PN-1531-L10766

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah bagi mengaktifkan semula kursi-kursi Pengajian Melayu yang pernah ditubuhkan seperti di Leiden, Wellington, Beijing, Korea dan kemungkinan menubuhkan Kursi Pengajian Melayu yang baharu di tempat lain yang sesuai.

16. PN-1531-L11282
Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah usaha yang sedang dijalankan untuk memastikan harga barangan keperluan asas dan kos sara hidup tidak meningkat terutamanya pada bulan Ramadan dan musim perayaan.
17. PN-1531-L11145
Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan unjuran pendapatan Kerajaan yang akan meningkat hasil daripada peningkatan kutipan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) daripada 6 peratus kepada 8 peratus. Apakah perbandingan jumlah pendapatan keseluruhan SST ini dengan ramalan hasil kutipan sistem *Goods and Services Tax* (GST) jikalau dilaksanakan kepada sektor-sektor sama pada kadar 3 peratus.
18. PN-1531-L10815
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah lakukan oleh Kementerian untuk mengurangkan kesan penebangan hutan akibat pembalakan yang tidak terkawal sehingga menyebabkan banjir besar yang kerap berlaku dan menenggelamkan rumah penduduk kampung.
19. PN-1531-L11379
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah anak warga asing yang kini bersekolah di sekolah milik Kerajaan dan berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan.
20. PN-1531-L10713
Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sukan badminton negara kini kelihatan merundum dengan kegagalan atlet negara bagi melayakkan diri ke pusingan akhir Kejohanan Terbuka Malaysia, Terbuka India dan *Indonesia Masters* sekaligus menjejaskan kelayakan atlet ke Olimpik Paris 2024. Adakah ia berpunca daripada program kejurulatihan atau terdapat punca yang lain.

21. PN-1531-L10652

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah terdapat perbincangan untuk memindahkan tanggungjawab mengeluarkan lesen syarikat-syarikat yang mengendalikan umrah kepada agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) supaya pemantauan yang lebih berkesan dapat dilakukan.

22. PN-1531-L10963

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk meminda Akta Agensi Persendirian 1971 bagi menetapkan kadar harga lantai kepada majikan melalui perundangan kerana syarikat-syarikat kawalan keselamatan tidak mampu membayar gaji minimum dan ini memberi kesan kepada kebajikan pengawal-pengawal tempatan serta menggalakkan tenaga kerja haram.

23. PN-1531-L10892

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan tindakan Kerajaan ke atas dakwaan yang mengatakan kartel beras membungkus semula beras tempatan untuk dijual sebagai beras import kerana margin keuntungan yang lebih tinggi sehingga mengakibatkan kekurangan bekalan beras tempatan di pasaran.

24. PN-1531-L11126

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan memperbaharui sistem perlindungan sosial sedia ada atau memperkenalkan skim perlindungan sosial yang baharu untuk memastikan rakyat tidak menghadapi masalah kewangan apabila mereka telah bersara.

25. PN-1531-L10839

Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejumlah RM250 juta telah diluluskan untuk mempromosikan sektor pelancongan negara dalam Belanjawan 2023. Apakah impak dalam bentuk jumlah pendapatan daripada sektor pelancongan yang telah diperoleh oleh setiap negeri setelah promosi ini berjalan sepanjang tahun 2023.

26. PN-1531-L10748

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memantau dan menilai kemajuan ke arah Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) termasuk pengumpulan data dan mekanisme pelaporan.

27. PN-1531-L10864

Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) senarai perkara dalam Perjanjian Malaysia 1963 yang sudah dilaksanakan dan bakal dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan; dan
- (b) apakah status dan mekanisme pelaksanaan pembayaran 40 peratus daripada hasil kutipan cukai Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah seusai pembayaran interim yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2024.

28. PN-1531-L11061

Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah aspirasi, falsafah dan pendekatan holistik yang akan diketengahkan oleh Malaysia dalam Persidangan Pelancongan Dunia (WTC) 2025 khususnya dalam mempromosikan kesenian serta kebudayaan tempatan menerusi sektor pelancongan yang menjangkakan kemasukan seramai 35.6 juta pelancong asing pada Tahun Melawat Malaysia 2026.

29. PN-1531-L10695

Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah peratusan golongan belia yang menyertai gerakan koperasi setakat ini memandangkan negara ini telah melakar sejarah tersendiri apabila mencatat pendaftaran koperasi baharu tertinggi bagi tahun 2023 sekali gus menjadi petunjuk peningkatan kesedaran serta minat rakyat Malaysia terhadap gerakan koperasi.

30. PN-1531-L10830

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-

- (a) apakah usaha yang boleh dilakukan untuk meningkatkan sumber pendapatan masyarakat Orang Asli khususnya di luar bandar; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan bagi menggalakan pihak swasta untuk memindahkan operasi penghasilan barangan separa siap ke luar bandar bagi menyediakan tenaga kerja yang ramai untuk menjadi sumber pendapatan kepada masyarakat Orang Asli.

31. PN-1531-L11368

Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKMM) dalam menjalankan pemantauan produk-produk makanan dan minuman di pasaran dan sejauh manakah sambutan yang diberikan oleh pengusaha dan pengilang terhadap usaha Kementerian ini.

32. PN-1531-L10692

Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan dan perancangan yang dilakukan oleh Kerajaan bagi mengekalkan kawasan-kawasan hutan sebagai hutan simpan khususnya hutan simpan bakau di Perlis yang berperanan sebagai perlindungan kepada hidupan liar dan penghadang ombak tinggi di kawasan perairan.

33. PN-1531-L11206

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) inisiatif Kerajaan dalam sektor pertanian untuk menyeimbangkan subsektor komoditi dengan subsektor makanan; dan
- (b) langkah Kerajaan dalam membentuk kesepaduan antara syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) berasaskan pertanian dalam kedua-dua subsektor tersebut.

34. PN-1531-L10779

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan statistik jumlah Orang Asli yang telah keluar dari status miskin tegar pada akhir tahun 2023 selaras dengan saranan Perdana Menteri untuk menoktahkan kemiskinan serta apakah perancangan jangka pendek Kementerian untuk mengurangkan status miskin tegar dalam kalangan Orang Asli.

35. PN-1531-L10918

Senator Dr. Lingeswaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang jumlah penjimatan kepada jumlah perbelanjaan operasi (*Operating Expenditure*) Kerajaan setiap tahun jika cadangan untuk memansuhkan skim pencen perkhidmatan awam diluluskan serta adakah skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) memberi manfaat yang lebih besar kepada penjawat awam berbanding dengan skim pencen.

36. PN-1531-L10716

Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi membantu penggiat industri perhotelan yang meluahkan kerisauan terhadap kenaikan kos penginapan susulan daripada kenaikan cukai jualan 2 peratus yang menyebabkan penurunan dalam permintaan pelancong domestik dan antarabangsa.

37. PN-1531-L11338

Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam menangani isu kekurangan dan kesukaran menyediakan penginapan mahasiswa di semua IPTA yang menjejaskan keselamatan dan kebajikan pelajar.

38. PN-1531-L11087

Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan rancangan menyeluruh Kerajaan dalam memajukan sektor pertanian tempatan yang kelihatan ketinggalan dan kehidupan petani yang daif.

39. PN-1531-L11015

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) apakah pendirian Kerajaan dalam melakukan kajian kebolehlaksanaan bagi melaksanakan caj kesesakan yang setara dengan caj yang dipraktikkan di Singapura atau di London; dan

(b) apakah garis masa untuk melaksanakan kajian tersebut.

40. PN-1531-L11101

Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam memperlengkapkan belia negara dalam merebut peluang untuk menjana pendapatan menerusi ekonomi digital dan apakah sasaran usahawan yang dijangka menerusi ekonomi ini.

41. PN-1531-L11423

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bantuan oleh Kementerian untuk membangunkan serta mempromosikan pelancongan di luar bandar dalam aspek persekitaran alam semula jadi dan kesenian serta budaya masyarakat setempat.

42. PN-1531-L10849

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah implikasi kegagalan pelaburan Axiata Group dalam pasaran Nepal dan juga Kemboja terhadap prestasi Khazanah Nasional yang mempunyai hampir 60 peratus saham dalam syarikat berkenaan; dan
- (b) adakah Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula polisi-polisi pelaburan di bawah seliaan Khazanah Nasional untuk memastikan kemampunan Khazanah Nasional.

43. PN-1531-L10968

Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan Kementerian dalam memastikan bahawa sijil-sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) mendapat pengiktirafan yang sewajarnya, terutamanya oleh jabatan dan agensi Kerajaan.

44. PN-1531-L11328

Senator Datuk Razali bin Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nilai kerugian kes jenayah dalam talian yang direkodkan oleh Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) pada tahun 2020, 2021, 2022, 2023 dan dua bulan pertama tahun 2024.

45. PN-1531-L10760

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk meluaskan pesta buku tahunan di peringkat semua negeri untuk merencanakan industri buku negara, khasnya dalam peluasan terbitan berbahasa kebangsaan.

46. PN-1531-L11250

Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menaikkan harga belian padi susulan kenaikan harga beras bagi meringankan beban pesawah.

47. PN-1531-L11217
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan insentif Kerajaan kepada koperasi berasaskan pertanian dan industri makanan bagi memperkasakan keterjaminan makanan negara.
48. PN-1531-L10982
Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambah pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi para pelajar yang mengikuti bidang perubatan (kedokteran) di pusat pengajian swasta yang dimiliki oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kerana pada masa ini, pinjaman hanya sekadar yuran IPTA sahaja.
49. PN-1531-L11311
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan lapangan terbang lain termasuk menaik taraf kemudahan solat yang lebih luas dan selesa.
50. PN-1531-L11052
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan siap siaga sektor kesihatan awam yang sedang dirangka ke arah mempersiapkan ekosistem serta rangkaian perkhidmatan kesihatan awam yang cekap untuk menghadapi kemungkinan berlakunya pandemik baharu pada masa hadapan rentetan daripada amaran yang telah dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
51. PN-1531-L11078
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pelajar asing di IPTA dan IPTS di seluruh negara serta apakah langkah-langkah yang perlu dijajarkan semula agar Malaysia menjadi tumpuan dan pilihan utama bagi pelajar antarabangsa bersesuaian dengan kos sara hidup dan struktur akreditasi MQA.
52. PN-1531-L11109
Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah inisiatif Kementerian untuk meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk desa dan luar bandar.

53. PN-1531-L10941

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan jangka pendek dan panjang pihak Kementerian dalam memastikan Ringgit kembali stabil setara dengan mata wang negara luar terutamanya negara jiran.

54. PN-1531-L10671

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mempromosikan dan mempertingkatkan penggunaan teknologi dalam sektor pertanian dan pengeluaran makanan dan bagaimanakah pihak Kerajaan merancang untuk menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam sektor pertanian untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

55. PN-1531-L11170

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan ketersediaan Hospital Universiti Sains Malaysia dari aspek tenaga buruh, kepakaran dan fasiliti hospital dalam merawat pesakit kanser ekoran pengumuman Menteri untuk memendekkan tempoh menunggu bagi pesakit kanser.

56. PN-1531-L11329

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan prosedur operasi standard sekatan jalan raya (SJR) oleh Jabatan Pengangkutan Jalan khususnya di kawasan yang berbahaya kepada pengguna jalan raya.

57. PN-1531-L11240

Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme Kerajaan dalam usaha memperluaskan kompetensi Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang jenayah syariah selari dengan kerangka yang ditetapkan oleh Perlembagaan.

58. PN-1531-L10948

Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah tidak mempunyai penyelarasan antara pihak Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dengan Kerajaan Tempatan dalam hal berkaitan *Customs, Immigration and Quarantine* (CIQ) atau asrama pekerja asing memandangkan syarat dan keperluan JTK berlainan dari Majlis Perbandaran atau Kerajaan Tempatan sehingga menyebabkan kesukaran kepada majikan dan pekerja-pekerja asing.

59. PN-1531-L10992
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian dalam memartabatkan warisan Melayu agar dapat menzahirkan struktur serta keterlihatan warisan Melayu di Kuala Lumpur sebagai mercu tanda identiti warisan kebangsaan.
60. PN-1531-L11069
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, Sains dan Teknologi mengikut perincian IPTA atau IPTS di seluruh negara dan apakah fokus terhadap kebolehpasaran bakal graduan kursus-kursus kritikal ini.
61. PN-1531-L11006
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan kadar pelaksanaan pelaburan untuk projek pelaburan yang diluluskan bagi tempoh lima (5) tahun lepas.
62. PN-1531-L10787
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah komprehensif yang diambil Kementerian dalam mendepani masalah pengeluaran minyak sawit dan jangkaan pengeluaran untuk suku ketiga tahun 2024.
63. PN-1531-L11374
Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha Kementerian dalam mempromosikan agenda Bangsa Malaysia sebagai payung besar dalam mengintegrasikan kepelbagaian kaum dan masyarakat di Malaysia.
64. PN-1531-L11261
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan untuk pembentangan penuh kebolehlaksanaan Kajian Pelan Strategik Lapangan Terbang Kebangsaan (NASP) berkaitan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP).

65. PN-1531-L11026

Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan status pemantauan semasa Kementerian terhadap perkembangan harga gula di pasaran dunia dan impaknya kepada harga gula serta bekalan gula tempatan dan apakah jaminan Kementerian bahawa harga gula tempatan pada kadar RM2.85 sekilogram tidak akan dinaikkan pada masa sekarang.

66. PN-1531-L10909

Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan tawaran program Matrikulasi yang telah dibuka pada tahun 2023 mengikut pecahan bangsa dan negeri asal pelajar serta berapakah bilangan pelajar yang telah menerima tawaran tersebut mengikut pecahan bangsa dan negeri asal pelajar.

67. PN-1531-L11134

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sejauh manakah dasar kerajaan yang dirangka dalam usaha untuk memperkasa inklusiviti sosial dan keadilan ekonomi di Malaysia supaya banyak peluang pekerjaan dapat disediakan untuk golongan rentan agar setiap individu dapat menyumbang kepada pembangunan negara tanpa mengira latar belakang mereka.

68. PN-1531-L10897

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian akan menambah bilangan universiti teknikal bagi membuka peluang yang lebih besar kepada graduan Diploma Vokasional Malaysia (DVM), memandangkan pada masa kini terdapat empat Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia yang menerima pelajar Diploma Vokasional untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda iaitu UTHM, UniMAP, UTeM dan UMP.

69. PN-1531-L11153

Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha dan bantuan yang sedang diberikan atau dirancang kepada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia supaya mereka dapat menerokai pelaburan dan dana hijau sepertimana yang disarankan oleh pihak Kementerian.

70. PN-1531-L11412

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah Jabatan Kerja Raya (JKR) memfalsafahkan "Nyawa Manusia Tiada Duanya" dalam melaksanakan sesuatu projek pembaikan semula jalan lama terutamanya jalan penghubung antara daerah di negeri Sabah yang aktif dijadikan sebagai laluan logistik dan laluan rutin awam.

71. PN-1531-L10738

Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang telah berdaftar dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dan berapakah jumlah agensi Kerajaan yang memberikan bantuan dan menyediakan program-program sosioekonomi kepada rakyat yang layak mendaftar, khususnya mereka yang berumur 18 tahun ke atas.

72. PN-1531-L11189

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah keperluan Kerajaan dalam memohon Kampung Baru Cina untuk dijadikan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.39/2023) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Pendidikan Tinggi]

2. (D.R.40/2023) Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Perdana Menteri]

3. (D.R.38/2023) Rang Undang-undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Perdana Menteri]

4. (D.R.37/2023) Rang Undang-undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Permerbadanan) (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kerja Raya]

5. (D.R.3/2024) Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kewangan]

6. (D.R.1/2024) Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kewangan]

7. (D.R.9/2024) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
8. (D.R.10/2024) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
9. (D.R.8/2024) Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Dewan Rakyat). **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Digital]**
10. (D.R.35/2023) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]**
11. (D.R.2/2024) Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]**
12. (D.R.28/2023) Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]**

13. (D.R.29/2023) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik
(Pindaan) 2023

**Bacaan Kali
Kedua**

**[Menteri Peralihan Tenaga dan
Transformasi Air]**